

Newspaper	Berita Harian
Date	16 July 2015



gara supaya terus stabil dan mantap.

"Islam tetap meraikan masalah ummah dan negara serta meletakkan kepemimpinan satu amanah tertinggi di mana gangguan kepada saf kepimpinan tanpa norma, etika, semangat ukhwah dan adab musyawarah (perundingan) boleh membawa perpecahan dan mengundang ketidakstabilan yang merugikan semua pihak.

"Islam bukan sahaja melarang kecelaruan dan perpecahan bahkan turut melarang mengadakan atau membiarkan sebab-sebab yang akan membawa kepada musibah itu," kata Mohd Fakaruddin kepada pemberita selepas pertemuan itu.

Syor bina asrama dalam kampus al-Azhar

Dalam pertemuan itu, persatuan berkenaan juga mencadangkan agar kerajaan membina asrama dalam kampus al-Azhar bagi mengelakkan pelajar Malaysia daripada mengalami masalah penempatan atau ancaman keselamatan.

Ketika ini, ada lebih 10,000 pelajar Malaysia yang mengikuti pelbagai bidang pengajian di Universiti al-Azhar.

**D**atuk Seri Najib Razak meminta pengguna jalan raya memandu dengan berhemah dan berhati-hati ketika pulang ke kampung sempena sambutan Aidilfitri, yang dijangka esok.

Perdana Menteri berkata, ramai sudah memulakan perjalanan pulang ke kampung sempena sambutan hari raya.

"Saya berharap pengguna jalan raya memandu dengan berhemah dan berhati-hati agar selamat tiba di destinasi," katanya dalam catatan terbaru beliau di laman sosial Facebook, semalam.

Di Putrajaya, Perdana Menteri menerima kunjungan Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar Malaysia di Perdana Putra di sini, semalam.

Pertemuan sel^una setengah jam itu disertai oleh tujuh orang alumni Universiti al-Azhar, Mesir yang diketuai Presidennya, Datuk Dr Mohd Fakaruddin Abdul Mukti. Mohd Fakaruddin memaklumkan dalam pertemuan itu mereka membincangkan isu kepentingan hubingan keilmuan dan dakwah Islamiyyah serta pe-

ranan institusi pengajian Islam ulung itu sebagai pencetus dan peneraju gerakan wasatiyyah atau kesederhanaan.

Sokong kepemimpinan negara Katanya, alumni al-Azhar turut menyeru rakyat Malaysia untuk memberi sokongan kepada barisan kepimpinan ne-

## Najib ucap selamat ulang tahun ke-170 NST

Kuala Lumpur: Perdana Menteri mengucapkan selamat ulang tahun ke-170 kepada *New Straits Times* (NST) yang disambut akhbar itu, kelmarin.

Dalam ucapan ringkas yang dimuat naik dalam akaun Fa-

cebook, Datuk Seri Najib Razak berkata, sejarah akhbar itu berkait rapat dan seiring dengan kemajuan negara ini.

"Akhbar ikon negara ini akan menjadi lebih kuat seiring usianya," katanya.

NST ditubuhkan pada 15 Julai 1845 dikenali *The Straits Times and Singapore Journal of Commerce* yang diterbitkan secara mingguan. Ia mula diterbitkan Secara harian sejak 1981 dan kekal hingga sekarang.